



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3 (49)
Tarikh : 11 Februari 2021
Bersamaan : 29 Jamadilakhir 1442H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PEMBAYARAN GAJI DI BAWAH INISIATIF SHORT-TERM EMPLOYMENT
PROGRAM TAHUN 2021 (MySTEP) MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan surat edaran bertarikh 18 Disember 2020 dengan nombor rujukan JPA.BK(S)256/21/21(6) berkenaan pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan Personel MyStep di bawah Inisiatif *Short-Term Employment* Program Tahun 2021 (MySTEP).

3. Sehubungan itu, pembayaran gaji kepada pegawai yang dilantik di bawah inisiatif MySTEP hendaklah menggunakan Arahan Pembayaran tanpa PT dengan mematuhi perkara berikut:

- 3.1 Menggunakan kod vendor 6 siri – pendaftaran hendaklah dibuat melalui sistem eVendor;
- 3.2 Caruman Majikan dan Pekerja bagi caruman KWSP dan PERKESO hendaklah dikreditkan ke kod akaun L1311903;
- 3.3 Mencatatkan perihal bayaran mengikut format berikut:
"GajiMySTEP/Bulan/Tahun"; dan
- 3.4 Menyertakan dokumen pembayaran yang lengkap.

4. Selain itu, pembayaran kepada KWSP dan PERKESO hendaklah dibuat selepas Arahan Pembayaran gaji telah diperaku 2 dan hendaklah dibuat sebelum 15 haribulan bulan berikutnya menggunakan Arahan Pembayaran tanpa PT dengan mematuhi perkara berikut:

- 4.1 Pembayaran dicaj kepada kod akaun L1311903 (sumbangan badan berkanun);
- 4.2 Pembayaran kepada vendor berikut:
 - a) Caruman KWSP – Kod vendor 2400000260; atau
 - b) Caruman PERKESO – Kod vendor 2400000361.
- 4.3 Perihal pembayaran adalah seperti berikut: **“No. Kod Majikan / Bulan dan Tahun Caruman / 04”**;
- 4.4 Melengkapkan Borang A di dalam portal KWSP dan Borang 8A di dalam portal PERKESO: dan
- 4.5 Menyertakan dokumen sokongan yang lengkap.

5. Sila rujuk **Lampiran A** untuk penjelasan berkenaan kod akaun yang perlu digunakan semasa penyediaan Arahan Pembayaran.

6. Justeru, Jabatan ini akan menolak Arahan Pembayaran yang tidak mematuhi ketetapan ini.


Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.

Kod Akaun

Arahan Pembayaran Gaji Personel MySTEP

1. Arahan Pembayaran tanpa PT (Pembayaran Gaji)

Debit: B0229301 – Gaji/upahan

B0229303 – Caruman Majikan KWSP dan PERKESO

Kredit: L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun (Caruman Majikan
dan Pekerja KWSP dan PERKESO)

2. Arahan Pembayaran tanpa PT (Pembayaran caruman KWSP / PERKESO)

Debit: L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun (Caruman Majikan
dan Pekerja KWSP dan PERKESO)